

Research Article

Worldview Mali dalam Kearifan Tempatan Penganan Iban di Sarawak: Satu Penelitian Warisan Tidak Ketara

Noria Tugang¹, Gregory Kiyai*

¹ Faculty of Applied and Creative Arts, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.

Article History

Received:
09.03.2022

Revised:
01.04.2022

Accepted:
20.04.2022

***Corresponding Author:**
Gregory Kiyai
Email:
gregory_kiyai@yahoo.com

This is an open access article,
licensed under: [CC-BY-SA](https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/)



Abstrak: Masyarakat Iban di Sarawak memiliki dimensi atau pandangan yang tersendiri dalam menginterpretasi kepercayaan mereka terhadap dunia dan kehidupan. Kepercayaan atau worldview tersebut memiliki nilai yang signifikan dalam manifestasi kebudayaan ketara dan tidak ketara masyarakat Iban. Oleh itu, penyelidikan ini adalah bersifat etnografi yang memfokuskan kepada kepercayaan Mali dalam kearifan tempatan membuat Penganan iaitu sejenis kuih tradisional Iban. Pendekatan penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan kerja lapangan, mendokumentasi dan menemu bual informan yang mempunyai kepakaran dalam budaya Iban. Kawasan penyelidikan iaitu di Lubok Antu, Betong, Sri Aman dan Limbang telah dipilih sebagai lokasi penyelidikan untuk mendapatkan kepelbagaian data dari setiap penempatan geografi masyarakat Iban. Tujuan penyelidikan ini adalah sebagai satu usaha untuk mengarkibkan dan mengkonservasi kepercayaan Mali sebagai sebuah warisan tidak ketara. Hasil dapatan mendapati bahawa, kepercayaan Mali masih menjadi sebuah warisan dalam bentuk kolektif memori dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat Iban kini walaupun mereka telah menganuti agama baharu iaitu agama Islam dan Kristian. Melalui penyelidikan ini diharapkan mampu memberikan satu kefahaman yang komprehensif mengenai adat resam dan kepercayaan masyarakat pribumi di Malaysia, khususnya masyarakat Iban di Sarawak.

Kata Kunci: Adat Resam, Budaya Tradisional, Kepercayaan Pribumi, Masyarakat Iban, Pandangan Dunia.

Worldview 'Mali' in the Local Wisdom of 'Penganan' Iban in Sarawak: an Intangible Heritage Study

Abstract: The Iban in Sarawak possessed their own dimension or perspectives in interpreting belief in the world and life. For the Iban, the belief or worldview have significant value in manifesting tangible and intangible culture. Therefore, this is an ethnography studies focus the belief of Mali from the local expertise in making the traditional Iban food Penganan. This study applied the qualitative approach by conducting field work, documentation and interview with informant adept in the Iban culture. The studies sites were Lubok Antu, Betong, Sri Aman and Limbang for the purpose of collecting numerous data from each Iban's settlement. This study is an effort to archive and conserve the belief of Mali as an intangible culture. The studies have discovered the belief of Mali is still regard as a heritage in the form of collective memory. This belief is still practice by the Iban although they have converted to the new religion of Islam and Christian. It is this studies aspiration to produce a comprehensive understanding concerning the custom and belief of the indigenous community in Malaysia especially the Iban in Sarawak.

Keywords: Custom, Iban, Indigenous Belief, Traditional Culture, Worldview.



1. Pendahuluan

Worldview atau pandangan dunia dalam sesebuah masyarakat merupakan kerangka idea yang terhasil dari budaya melalui adaptasi dan pengaruh lingkungan hidupnya sehingga membentuk sebuah kebudayaan yang maju. Manusia secara umumnya merupakan makhluk yang kompleks dan sentiasa bergerak pantas dalam membentuk kebudayaan hidup mereka. Setiap perubahan yang berlaku dalam norma sosial manusia adalah berkait rapat dengan aktiviti pembudayaan seperti adaptasi, pengamatan sosial, pengalaman dan pembelajaran melalui tindakan. Secara tidak langsung, tindakan sosial tersebut telah membentuk sebuah kepercayaan dan diwarisi lalu diamalkan secara turun temurun. Amalan budaya manusia ini telah membentuk kepada identiti sesebuah masyarakat dalam membezakan mereka dengan yang lainnya. Masyarakat di Nusantara sememangnya mempunyai sistem kepercayaan yang unik dalam menjaga dan mengawal tatasusila diantara sesama manusia dan alam. Kepercayaan tersebut telah dizahirkan dengan unsur-unsur spiritual bagi menguatkan lagi signifikannya dalam budaya melalui penceritaan tradisi lisan, kearifan tempatan, ritual dan upacara serta seni persembahan.

2. Tinjauan Literatur

2.1. Definisi Warisan Tidak Ketara

Umumnya, warisan budaya boleh ditarifkan sebagai warisan ketara, tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzium warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semulajadi [1] [2].

Dalam konteks kepercayaan sesebuah masyarakat mengenai pandangan dunia, pandangan dunia atau worldview diklasifikasikan sebagai warisan tidak ketara. Menurut pendefinisian yang dibuat oleh laman sesawang Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia berdasarkan kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) mengariskan bahawa warisan tidak ketara adalah merujuk kepada warisan yang tidak nyata iaitu ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan. Contohnya adalah seperti acara perayaan, ritual dan kepercayaan, seni persembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional, sukan dan permainan tradisional serta kearifan tempatan. Menurut Yusoff & Dollah [3] warisan tidak ketara adalah bersifat abstrak dan tidak dapat disentuh namun boleh dihayati nilai estetikanya. Kriteria warisan tidak ketara boleh dijelaskan sebagai aspek bahasa, cara hidup dan amalan seperti peribahasa, gurindam, pantun, seloka, nyanyian, tarian, muzik, komposisi muzik, lirik lagu, ungkapan tradisi dan cerita lisan rakyat. Selain itu, menurut Yusoff [4] warisan tidak ketara di Malaysia pada dasarnya adalah terhasil daripada budaya dan kepercayaan sesebuah komuniti. Contohnya, bagi masyarakat Melayu di Semenanjung walaupun mereka telah memeluk agama Islam namun kepercayaan warisan seperti puja semangat padi bagi mereka yang menjalankan perkerjaan sebagai petani yang masih mengguna pakai beberapa amalan atau petua yang diperolehi dari nenek moyang supaya memperolehi hasil tuaian padi yang banyak [5]. Begitu juga dengan etnik pribumi di Sarawak dan Sabah yang mempunyai pelbagai amalan yang berkaitan dengan semangat padi. Mereka amat percaya, semangat padi dapat memberi kesuburan dan menjamin keselamatan daripada kemusnahan dan kerosakan padi.

2.2. Definisi Kearifan Tempatan

Definisi konsep kearifan tempatan adalah meluas dan pelbagai mengikut kepada pandangan dan fokus penyelidikan. Walau bagaimanapun, menurut Flavier et. al [6] mengatakan kearifan tempatan adalah pengetahuan unik yang merujuk kepada budaya sesebuah komuniti. Pengetahuan ini adalah asas kepada komuniti tempatan untuk membuat keputusan dalam pertanian, penjagaan kesihatan, penyediaan makanan, pendidikan, pengurusan alam semulajadi, dan pelbagai aktiviti lain. Selain itu, menurut Hiwasaki et. [7] keartifan tempatan adalah pelbagai bentuk, antaranya adalah cerita rakyat, lagu, peribahasa, nilai budaya, kepercayaan ritual, undang-undang adat, bahasa dan amalan pertanian. Ringkasnya, kearifan tempatan merujuk terhadap kefahaman, kemahiran dan falsafah yang dikembangkan oleh komuniti yang mempunyai sejarah yang panjang melalui interaksi dengan persekitaran semula jadi mereka.

Selain itu, Rahimin [8] mendefinisikan kearifan tempatan adalah sesuatu proses yang difahami sebagai satu formula, paradigma dan kepandaian masyarakat setempat dalam menghadapi demensi kehidupan iaitu kepada manusia dan pencipta. Kearifan tempatan merupakan perlilaku positif manusia dalam berhubung dengan lingkungan dan alam sekitar yang merangkumi nilai-nilai kepercayaan, adat

istiadat, norma-norma sosial, petua nenek moyang dan budaya setempat. Selain itu, kearifan adalah satu proses yang seiring dengan perkembangan sosial manusia sesuai dengan konteks zaman dan faktor sejarahnya

DEFINISI WORLDVIEW

Worldview adalah kepercayaan, perasaan dan perkara yang dalam pemikiran seseorang individu yang berfungsi sebagai penggerak enjin untuk kelangsungan dan perubahan sosial serta moral [9]. Sementara itu, Smith [10] mengatakan bahawa worldview adalah merupakan sistem kepercayaan yang berkait rapat dengan hakikat diri manusia, realiti dan tentang makna keberadaan. Umumnya, manusia melihat dan bertindakbalas dengan apa yang terdapat di dalam alam semesta, terutamanya yang sangat dominan dalam lingkungan hidupnya. Faktor dominan tersebut datang dalam pelbagai jenis seperti kebudayaan, falsafah, agama, kepercayaan, tatanilai masyarakat dan sebagainya. Luasnya pandangan manusia terhadap ruang lingkup kehidupan adalah bergantung dengan faktor dominan yang mempengaruhinya untuk berfikir ke arah yang lebih tinggi.

Terma worldview adalah merupakan sebuah term yang digunakan dalam English atau dalam Bahasa Jerman iaitu weltanschauung yang membawa makna “pandangan hidup” atau “pandangan dunia”. Pandangan umum tentang dunia adalah bersangkut paut dengan hakikat, nilai, erti dan tujuan dunia serta hidup manusia. Selain itu, konsep worldview dapat dikatakan sebagai sistem prinsip, pandangan dan keyakinan yang dapat menentukan arah kegiatan individu, kelompok sosial, status atau masyarakat itu sendiri. Menurut Güneser et al [11] suatu worldview adalah terbentuk dalam pikiran individu secara perlahan-lahan, bermula daripada pengumpulan konsep-konsep dan sikap mental yang dikembangkan oleh seseorang sepanjang hidupnya, sehingga pada akhirnya membentuk mental framework atau worldview. Menurutnya lagi, secara epistemologisnya proses berfikir ini adalah sama dengan usaha kita mencari dan memperoleh ilmu iaitu dengan kaedah pengumpulan yang datang dalam pelbagai bentuk idea, kepercayaan, aspirasi dan sebagainya sehingga menjadi sebuah satu idea yang diorganisasi dalam satu kumpulan.

Menurut Pawi [12] pandangan dunia atau worldview secara menyeluruh dikenali sebagai weltanschauung yang merujuk kepada kerangka idea dan kepercayaan individu, kumpulan serta budaya dalam menginterpretasikan dunia mereka. Dalam konteks etnik di Sarawak, masing-masing mempunyai kepercayaan yang dibina dalam lingkungan kehidupan persekitaran mereka. Selain itu, pandangan masyarakat pribumi di Sarawak sebelum kedatangan agama Islam dan Kristian adalah dipengaruhi oleh sistem kepercayaan animisme yang mempercayai makhluk halus, semangat dan roh yang menjadi asas kepercayaan masyarakat tradisional. Melalui penyelidikan beliau didapati bahawa sehingga ke hari ini kepercayaan tersebut masih lagi bersemadi dalam kolektif memori masyarakat pribumi Sarawak. Secara tidak langsung, kolektif memori tersebut telah menjadi warisan budaya dan diangkat menjadi sebuah upacara dan ritual tertentu yang melibatkan pertanian dan perayaan misalnya.

2.3. Masyarakat Iban di Sarawak

Masyarakat Iban tradisional mempunyai kepercayaannya yang tersendiri dalam memahami asal-usul kejadian alam semesta. Mereka percaya bahawa semua benda hidup atau benda bukan hidup mempunyai semangat seperti gunung, sungai, dan pepohonan. Selain itu, mereka turut mempercayai akan wujudnya alam ghaib yang disebut sebagai Panggau Libau dan Gelung Batu Nakong yang menjadi tempat tinggal para dewa dan dewi Iban. Kepercayaan tersebut diceritakan selama bergenerasi dalam tradisi lisan Iban. Masyarakat Iban turut mempercayai akan kewujudan alam kematian yang disebut sebagai Menua Sebeyan iaitu tempat roh manusia yang telah meninggal dunia [13]. Selain itu, beliau turut menerangkan tentang konsep kosmologi Iban iaitu dengan memberi penjelasan terhadap terma Antu (roh) dalam kepercayaan Iban. Secara lesikalnya, Antu (roh) boleh membawa maksud sebagai dewa-dewi, semangat, penunggu, roh orang mati atau hantu. Mereka mempercayai bahawa dumi ini dikuasai oleh dua orang dewa yang tinggi darjatnya dan berkuasa ke atas semua dewa Iban iaitu Batara Langit dan Batara Bumi. Selain itu, mereka juga turut mempercayai beberapa orang dewa seperti Dewa Selempeta Ngaga iaitu dewa yang padai dalam inovasi dan menciptakan sesuatu, Dewi Selempandai Ngulai iaitu dewi bijak pandai yang boleh mencampur sesuatu bahan agar menjadi ciptaan yang sempurna, Dewa Selempetuh Ngambuh iaitu dewa yang mahir dalam mencipta alat besi dan peralatan perang, Dewa Pulang Gana iaitu dewa yang berkuasa ke atas tanah dan kesuburan tanaman masyarakat Iban, Dewa Seragindi iaitu dewa yang berkuasa atas air dan sungai dan Dewa Kuang Kapung iaitu dewa yang mengawal musim dalam cuaca, musim buah dan penyakit. Manakala dewa-dewi seperti Keling, Bungai Nuing, Laja, Pungga, Apai Karung esi,

Bunga Jawa, Kumpang Pali, Sebulu Gawa, Segunggang, Tutung, dan Pandak Seragatak adalah dewa-dewi yang membuatkan masyarakat Iban menjadi kaya, berani dan terkenal.

Selain itu, menurut Tugang [14] kewujudan hantu dalam kebudayaan Iban adalah terhasil daripada kotoran yang berpunca dari perilaku, amalan, penempatan dan percakapan yang membawa semangat dan roh jahat menjadi marah. Implikasinya kemarahan antu terhadap masyarakat Iban akan membawa pekara yang sial. Contohnya, menjadikan tanaman mereka berpenyakit dan tidak subur, kawasan penempatan akan mengalami kemarau atau banjir yang berpanjangan, seringnya berlaku kematian di rumah panjang dan ternakan seperti babi, anjing dan ayam yang dipelihara akan mati sehingga membawa kepada kebuluran, pergaduhan dan penyakit kepada penduduk di rumah panjang. Beberapa jenis antu yang sering diceritakan dalam tradisi lisan Iban adalah seperti Antu Gerasi yang digambarkan suka merayau-rayau terutamanya pada waktu hujan panas (ujan nyala). Menurut mitos Iban, apabila antu gerasi berjumpa dengan manusia, dia akan menangkap dan memakan semangat manusia. Semangat manusia yang ditangkap dan dimakan antu gerasi akan menyebabkan individu tersebut jatuh sakit teruk sehingga membawa kematian secara mengejut. Mereka mempercayai bahawa gergasi yang paling jahat adalah Gerasi papa iaitu sentiasa lapar dan pantang melihat manusia lalu ditangkapnya untuk menjadi santapannya. Selain itu, antu buyu merupakan semangat jahat yang selalu mengganggu bayi dan kanak-kanak dengan membuatnya selalu menangis (tengik) di waktu malam tanpa henti. Dipercayai juga bahawa antu buyu suka memakan bayi yang baharu lahir. Beberapa jenis antu lain adalah seperti antu buau nyada, singa belabung dilah, belang kepapas, dan Pranan gala.

Kepercayaan dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu doktrin roh (doctrine of soul) yang merupakan agama asas berdasarkan roh dan seterusnya adalah doktrin semangat iaitu agama yang berasaskan kepercayaan kepada semangat [15] [16]. Menurut Kiyai & Tugang [17] berdasarkan kepada Sandin [18] bagi masyarakat Iban di Sarawak, sistem kepercayaan mereka adalah dikenali sebagai Pengarap Lama. Kepercayaan Pengarap Lama adalah berkait rapat dengan kepercayaan terhadap tuhan yang dikenali sebagai Petara dan kuasa ghaib, semangat orang hidup dan mati, semangat padi, fenomena alam, makhluk hidup dan objek tidak bernyawa. Pekara ini turut dijelaskan oleh Daud et al [19] berdasarkan kepada Jensen [20] mengatakan bahawa masyarakat Iban percaya kepada hantu, semangat, alam nyata dan alam ghaib. Semangat adalah bersifat intangible dan dikatakan ada bersama badan manusia.

Menurut Béguet [21] berdasarkan kepada Kedit [22] kepercayaan semangat tersebut telah memberikan satu dimensi kepada masyarakat Iban bahawa dunia ini dikuasai oleh roh baik dan roh jahat. Masyarakat Iban percaya bahawa pengaruh semangat atau roh baik haruslah dipuja dan disembah bagi mengusir semangat dan roh jahat. Kehadiran roh baik dan roh jahat dapat dirasakan oleh masyarakat Iban melalui mimpi, petanda-petanda burung dan petanda hati babi yang menjadi medium pengantara di antara masyarakat Iban dengan Petara (tuhan) untuk menyampaikan mesej secara tersurat dan tersirat. Gomes [23] turut menerangkan sistem kosmologi Iban dengan mengatakan bahawa Antu (roh) tidak memiliki kedudukan yang tinggi sama seperti Petara (tuhan) dan mengatasi kekuasaannya atas masyarakat Iban. Konsep Antu dalam masyarakat Iban adalah terbahagi kepada dua iaitu semangat yang baik dan semangat yang tidak baik. Dalam kehidupan masyarakat Iban, kepercayaan terhadap semangat baik dan jahat tidak dapat dielakan dan sentiasa mengikuti mereka dalam segala perkara. Selalunya, semangat yang baik akan selalu menghadirkan diri mereka dalam mimpi masyarakat Iban untuk menyampaikan pesan dan mereka akan menjelmakan diri sebagai dewa-dewi atau keluarga dan sanak saudara yang telah meninggal dunia. Manakala semangat jahat selalunya dikaitkan dengan jelmaan antu gerasi (hantu gergasi) yang sering mengganggu dan dipercayai boleh membunuh manusia sama ada di alam sedar atau alam tidak sedar (mati semasa tidur) [24]. Oleh sebab itu, pada masa dahulu apabila masyarakat Iban mendengar bunyi yang aneh semasa berada di rumah panjang atau diluar, ritual Miring perlu dilaksanakan bagi memohon keberkataan daripada Petara agar tidak diganggu oleh antu gerasi.

Oleh itu dalam menyeimbangi dunia manusia dan dunia ghaib, masyarakat Iban telah mencipta pantang-larang untuk mengelakan diri mereka daripada ditimpa dan gangguan daripada Antu (roh). Menurut Garry et al [25] berdasarkan kepada Appell [26] dua pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat Iban adalah Penti dan Mali. Penti dan Mali telah lama diamalkan dalam kepercayaan masyarakat Iban bagi menyekat atau menghalangi nasib yang tidak baik menimpa masyarakat Iban. Terdapat perbezaan makna dan maksud dalam makna penti dan mali dalam budaya Iban, Mali membawa maksud larangan secara mutlak dalam melakukan sesuatu kerja kerana takut akan mendatangkan padah yang sangat buruk, manakala penti merupakan larangan yang tidak begitu

mutlak dan kerja yang dilarang itu boelh dilakukan kalau dimulakan oleh seseorang yang tinggi pengaruhnya, akibat buruk daripada pelanggaran tersebut dapat dielakan melalui upacara ritual tertentu.

Bagi masyarakat Iban di Sarawak, kepercayaan mereka terhadap unsur-unsur spiritual adalah sangat kuat dan berkait rapat dengan amalan hidup. Amalan ini secara tidak langsung telah membentuk identiti dalam membezakan masyarakat Iban dengan etnik lain di Malaysia. Menurut Soda [27] keunikan dan kepentingan budaya masyarakat Iban dalam penelitian etnografi etnik di Borneo telah diperhatikan semasa zaman penjajahan kolonial dan berlarutan sehingga kini. Masyarakat Iban digambarkan sebagai etnik yang berani, optimis, hidup dalam keadaan berkelompok dan mempunyai sistem pentadbiran sosial secara tradisional serta agresif. Pekara ini telah dijelaskan oleh Tieman et al [28] berdasarkan kepada Sather [29] dan Beginda & Bala [30] mengatakan bahawa masyarakat Iban merupakan etnik pribumi yang paling agresif dari semua penduduk pribumi di Borneo. Mereka dianggap sebagai etnik yang kuat, yakin diri dan selalu berperang dengan satu sama lain atau dengan etnik lain dalam meluaskan kuasa dan mencari kawasan penempatan. Masyarakat Iban dilihat sebagai etnik pribumi yang bersifat homogen (sejenis sahaja) iaitu tidak ada suku-suku tertentu kecuali dibezakan mengikut batang sungai yang menjadi penempatan mereka. Masyarakat Iban adalah merupakan etnik yang dipercayai menggunakan bahasa yang sama dan mewarisi nilai, tradisi, kepercayaan, adat resam serta kebudayaan yang sama [31] [32].

3. Metodologi Penyelidikan

Penyelidikan ini adalah merupakan sebuah kajian etnografi yang memfokuskan pandangan dunia dan kepercayaan Mali masyarakat Iban terhadap kearifan tempatan dalam memproses Penganan iaitu sejenis kuih tradisional Iban. Secara amnya, kajian etnografi adalah merupakan satu penelitan ilmiah dalam menerangkan, menganalisa dan menginterpretasi bentuk kebudayaan yang dikongsi bersama oleh sekumpulan manusia seperti tingkah-laku, linguistik, kepercayaan dan amalan, struktur sosial, ekonomi, interaksi budaya dan kehidupan [33]. Oleh itu, kaedah penyelidikan ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu mengumpul data dengan melakukan kerja lapangan, pendokumentasian dan menemubual informan berdasarkan kepada pendekatan ilmu sejarah, etnologi dan antropologi.

Kerja lapangan adalah merupakan sebuah kaedah pemerhatian dan penglibatan secara langsung dengan komuniti untuk memahami dan memerhati secara tinjauan kebudayaan dan cara hidup mereka. Dalam penyelidikan ini, kerja lapangan telah dilakukan secara berfasa, bermula dari Januari 2019 sehingga Januari 2020 iaitu selama satu tahun untuk menjejaki tiga buah kawasan penempatan rumah panjang Iban iaitu Rumah Liam, Rantau Kembayau Manis, Rumah Kunjang, Entawa Asal, Sri Aman dan Rumah Bujang, Rantau Kiran, Medamit Limbang. Pemilihan tiga buah penempatan tersebut adalah sebagai satu kaedah untuk melihat variasi dan kepelbagaian data dalam pengamalan kepercayaan Mali Iban. Menurut Lund & Buckland [34] kaedah pemerhatian melalui penglibatan berasal dari bidang antropologi, iaitu kajian tentang kehidupan masyarakat. Penyelidik biasanya melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikajinya untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Alasan penggunaan teknik pemerhatian penglibatan ke lapangan iaitu pemerhatian memungkinkan pengkaji untuk melihat, merasakan, dan memaknai dunia beserta ragam peristiwa dan gejala sosial dalamnya, sebagaimana subjek pengkajian melihat, merasakan, dan memaknainya dan pemerhatian memungkinkan pembentukan pengetahuan secara bersama-sama antara pengkaji dan subjek pengkajiannya (intersubjektiviti).

Selain itu, penyelidik turut melakukan kaedah pengumpulan data secara dokumentasi dengan mengambil gambar masyarakat Iban yang sedang mempraktikkan kearifan tradisi mereka semasa memproses Penganan. Gambar tersebut diambil menggunakan kamera DSLR model Canon dengan mengaplikasi beberapa teknik asas fotografi iaitu mengambil gambar secara dekat dan jauh. Menurut Buckland [35] mendefinisikan dokumentasi adalah sebagai hasil usaha manusia untuk mengatakan, memberi arahan, menunjukkan, mengajar, atau melakukan sesuatu pekara. Kaedah mendokumentasikan secara ringkas adalah dibantu menggunakan alat dan kaedah tertentu. Selain itu, berdasarkan Kiyai [36] telah mengertikan bahawa dokumentasi adalah satu kaedah pengumpulan, pemilihan, pengolahan dan penyimpanan dalam bidang pengetahuan dan pemberian atau pengumpulan bukti seperti bergambar, keratan akhbar dan sumber data yang lain.

Kaedah pengumpulan data yang terakhir adalah temubual. Kaedah pengumpulan data yang dilakukan telah dibahagikan kepada dua sasaran. Golongan sasar yang pertama adalah menggunakan kaedah temubual secara berfokus (focus group interview). Di mana penyelidik telah menemubual

kumpulan informan yang tinggal dan hidup di rumah panjang berkaitan dengan sejarah artifak, proses pembuatan artifak dan pantang larang artifak sakral dalam masyarakat Iban. Golongan sasar yang kedua adalah masyarakat Iban yang mempunyai kepakaran dan mahir dalam budaya Iban. Di mana, informan tersebut telah ditemubual (in-depth interview) berdasarkan kepada kemahiran dan pengetahuan mereka secara terperinci mengenai adat, kemahiran dan kepercayaan artifak sakral tersebut. Kaedah pengumpulan yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan teknik kolektif memori iaitu sebuah teknik mengumpul semula memori yang pernah dilakukan, diceritakan dan diwarisi kepada informan semasa kecil atau ketika dewasa. Ingatan tersebut telah disusun dan diinterpretasi menjadi data primer yang membantu menyokong kepada dapatan penyelidikan ini.

4. Dapatan dan Perbincangan

Penganan adalah merujuk kepada sejenis kuih tradisional yang dibuat secara turun temurun oleh masyarakat Iban di Sarawak. Penganan sememangnya mempunyai nilai budaya yang signifikan dalam masakan tradisional Iban, terutamanya dalam amalan adat, ritual dan kepercayaan. Menurut Lada Ukar (85 tahun) masyarakat Iban telah menghasilkan Penganan sejak dahulu lagi, terutamanya bagi wanita Iban. Semasa usia sepuluh tahun, gadis Iban telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti rumahtangga seperti menenun, menganyam dan memasak. Tujuannya adalah bagi mengajar dan membiasakan anak gadis dalam melakukan kerja-kerja rumahtangga. Wanita yang rajin dan mahir dalam melakukan kerja-kerja rumah dan menghasilkan kraftangan yang indah mempunyai potensi yang cerah untuk berkahwin dengan lelaki dari keluarga yang berstatus tinggi. Oleh itu, secara dasarnya anak-anak gadis Iban telah dipersiapkan sejak usia kanak-kanak lagi agar terbiasa melakukan kerja-kerja rumah tangga, termasuklah membuat Penganan. Perkara ini turut diakui oleh Beol Dingin (80 tahun) mengatakan pengalamannya semasa kecil diajar oleh mendiang ibunya untuk belajar memasak menggunakan dapur kayu semasa usia 12 tahun lagi. Memandangkan ibubapanya turun ke ladang seawal pagi hari dan kembali ke rumah sebelum senja, maka beliau telah mengalas tanggungjawab sebagai anak perempuan untuk menguruskan hal ehwal rumah tangga iaitu membasuh, membersihkan rumah dan memasak. Proses membuat Penganan merupakan satu proses yang sangat taboo dan penuh dengan kepercayaan Mali yang harus dititik beratkan oleh masyarakat Iban semasa proses membuatnya.



Gambar 1. Penganan Iban

Kepercayaan Mali tersebut dapat dilihat dalam beberapa tindakan masyarakat Iban semasa menghasilkan penganan. Menurut Siah Batang (64 tahun) proses membuat penganan adalah dengan merendam beras baru semalam agar senang ditumbuk menjadi serbuk beras sebagai acuan utama penganan. Oleh itu, lesung yang digunakan untuk menumbuk serbuk beras tidak boleh dilangkah sebarang oleh masyarakat Iban kerana akan mengakibatkan mali yang membawa seseorang tersebut terkena tara. Selain itu, sekiranya lesung diinjak menggunakan kedua-dua kaki dipercayai akan menyebabkan masyarakat Iban tersebut enda ampit dan selalu ketinggalan dalam semua perkara yang baik dan menguntungkan. Walaubagaimana pun, dalam proses membuat Penganan perkara ini adalah tidak dilarang dan menjadi satu kewajiban agar beras tersebut mudah untuk menjadi serbuk dan digunakan sebagai bahan utama untuk memproses Penganan.



Gambar 2. Wanita Iban Menumbuk Beras Dalam Lesung

Dalam proses memasak Penganan terdapat beberapa pantang larang yang harus dititikberatkan, kualiti yang hendak digunakan haruslah disapu dengan daun sireh terlebih dahulu. Tujuannya adalah sebagai petua untuk mengelakan jelungan semasa proses mengoreng penganan. Penggunaan daun sireh adalah sangat signifikan dalam amalan, ritual dan perubatan tradisional Iban, selain dijadikan sebagai sumber makanan sampingan atau kudapan di masa senggang oleh para wanita Iban terdahulu. Selalunya, seminggu sebelum Gawai wanita-wanita Iban akan mempersiapkan diri untuk proses membuat penganan bagi menyambut Pesta Gawai sebagai tanda kesyukuran atas hasil tuaian padi yang diperolehi tahun itu. Mereka akan mengadakan aum indu (mesyuarat wanita) bagi menentukan Tarikh membuat kerja-kerja persediaan dalam menyambut Gawai termasuklah membuat Penganan. Etika ini adalah sebagai simbol tolenrasi yang tinggi diamalkan oleh masyarakat Iban di rumah panjang. Mereka saling tolong-menolong dan melakukan sesuatu perkara tersebut sebagai satu komuniti.

Dahulu, selepas membuat aduan Penganan secara beramai-ramai, seorang wanita Iban akan membawa aduan tersebut ke hujung bilik dan akan menutup pintu agar tiada sesiapa yang masuk untuk mengganggu terutamanya anak kecil. Namun demikian, mereka turut menghasilkannya sendiri tanpa berkumpul secara berkumpulan. Tujuan wanita Iban perlu memasak Penganan tersebut secara tersembunyi adalah bagi mengelakan perbualan secara langsung dengan orang lain dan bunyi bisik yang boleh mengundang kehadiran antu jahat. “Maya manduk Penganan, anang ngelara, anang madah ka udah mansau. Enggai ke di dingga antu rua, antu kepapas.” Mereka percaya bahawa antu jai (roh jahat) akan berkeliaran terutamanya apabila menjelang musim Gawai kerana mereka mengetahui bahawa masyarakat Iban sedang menyiapkan banyak jenis makanan dan kuih muih.

Oleh itu, apabila selesai upacara miring di ruai sehari sebelum bermulanya pesta gawai, persembahan piring tersebut telah dibahagikan kepada beberapa bahagian khas, yang paling utama adalah untuk dipersembahkan kepada roh nenek moyang. Persembahan tersebut akan ditutup dengan Pua Kumbu sebagai tanda hidangan makanan telah disediakan, seterusnya akan diberikan kepada antu pala yang digantung di siling rumah agar terus menjaga keamanan penduduk dan rumah panjang, manakala bahagian yang terakhir adalah dikhususkan untuk antu jai (roh jahat) yang dibungkus menggunakan daun dan diletakan di hujung belakang rumah. Tujuannya adalah bagi mengelakan roh jahat yang dikenali sebagai Antu Rua tidak memasuki rumah dan membawa pembaziran dari segi makanan, duit dan barangan keperluan lain. Masyarakat Iban percaya apabila roh nenek moyang yang dipanggil melalui piring mereka akan berasa senang hati apabila melihat jamuan yang berisi makanan disediakan oleh anak cucu mereka, memberi persembahan piring dipercayai akan mendatangkan nasib yang baik kepada sesi rumah panjang.



Gambar 3. Upacara Miring

Menurut Sarimah Sunok (60 tahun) proses memasak Penganan adalah sangat taboo dan bergantung kepada nasib. Kadang-kala proses pembuatannya akan terus menjadi dan berjalan dengan lancar serta terhasil dengan baik namun kadang-kala tidak menjadi dan adunan menjadi rosak. Oleh itu, penganan yang rosak tadi haruslah dibuang ke tanah dan menyebut “Tu untkup nuan, badu ngacau kami, kami tu ka begawai” Mereka meyakini bahawa, kehadiran Antu Rua yang tidak didahulukan untuk merasa Penganan akan mengganggu proses pembuatan Penganan yang menjadi punca adunan tersebut tidak menjadi dan rosak. Selain itu, Penganan yang baharu siap dimasak, jangan terus dimakan sebelum mendapat jumlah tiga biji dan ke atas. Pekara ini akan menjadikan Penganan tersebut rua (habis) sebelum berlangsungnya upacara Gawai.



Gambar 4. Wanita Iban Memasak Penganan

Menurut Chermai Iri (65 tahun) bagi masyarakat Iban dalam membuat sesuatu perkara yang melibatkan perkerjaan, konsep beburing sangat memberi erti yang signifikan untuk menentukan rezeki dan keberuntungan mereka pada hari itu. Dalam kepercayaan tradisional Iban, konsep

beburung atau Jai burung adalah merujuk kepada dua perkara iaitu bermimpi buruk secara tiba-tiba atau mendapat petanda dari haiwan berbisa serta tujuh burung Mali Iban yang datang atau berbunyi secara mengejut ke dalam rumah panjang. Konsep Burung dalam budaya Iban bukanlah merujuk kepada jenis-jenis tujuh burung mali Iban semata-mata, namun turut mengambil kira akan haiwan-haiwan yang berbisa dan selalu dihindari dalam budaya Iban seperti kala jengking, ular, lipan serta haiwan-haiwan hutan yang dipercayai boleh menjadi bunsu antu (roh hantu) iaitu Kijang dan Pelanduk. Selalunya petanda burung atau dikenali sebagai Adat beburung Iban ini akan ditafsir oleh orang tua yang pakar dalam kepercayaan tradisional Iban seperti Tuai Burung, Lemambang atau Tuai Rumah.

Masyarakat Iban percaya setiap bunyi burung atau haiwan berbisa yang masuk ke rumah membawa petandanya tersendiri. Contohnya, sekiranya mendengar bunyi burung seperti burung Ketupung (*Rufous Piculet*) iaitu Burung Rangkai (berbisa) dari sebelah kanan maka dipercayai masyarakat Iban yang turun mencari rezeki akan mendapat hasil yang berlipat ganda, namun sekiranya mereka mendengar bunyi Ketupung dari sebelah kiri maka mereka tidak akan membawa pulang sebarang rezeki pada hari tersebut. Begitu juga, sekiranya masyarakat Iban terlebih dahulu mendengar bunyi burung Beragai dari Burung Ketupung, maka ditafsirkan bahawa bunyi tersebut merupakan petanda yang membawa tuah dan mendapatkan hasil padi yang melimpah ruah, namun sekiranya bunyi burung Beragai di dengari dahulu dari burung Bejampung, ditafsirkan bunyi tersebut merupakan petanda yang tidak baik dan harus dielakan oleh masyarakat Iban. Selain itu, burung Pangkas (*Maroon Woodpecker*) dan Beragai (*The Scarlet-Rumped Trogon*) turut dikenali sebagai burung yang membawa nasib yang buruk kepada masyarakat Iban. Oleh itu, dahulu apabila masyarakat Iban ingin pindah ke rumah baharu, mereka akan berpindah sebelum terbitnya matahari kerana risau akan mendengar bunyi burung yang membawa petanda tidak baik, terutamanya burung Ketupung yang dipercayai ketua tujuh burung Mali Iban dan petanda yang dibawa olehnya merupakan amaran secara mutlak dari Petara (tuhan) terhadap tingkah laku masyarakat Iban di dunia Mensia (dunia manusia). Perintah tersebut harus diturut dan ditaati oleh masyarakat Iban bagi mengelakan kemurkaan Petara dengan menyebarkan bencana dan wabak penyakit berjangkit.

Adat beburung bukan hanya merujuk kepada jenis burung dalam kepercayaan Iban sahaja, namun haiwan yang berbisa masuk ke dalam rumah secara tiba-tiba turut membawa petanda yang tidak baik iaitu Jai Burung (nasib buruk). Contohnya, sekiranya kijang atau ular yang masuk ke dalam rumah lalu mati maka sesuatu perkara yang buruk bakal menimpa sesebuah rumah panjang tersebut. Selain itu, mimpi yang lain dari kebiasaan atau dikenali sebagai mimpi rawan turut menjadi sebuah petanda yang tidak baik dalam konsep Jai Burung Iban. Oleh itu, bagi mengimbangi dan mengnuteralkan kepercayaan tersebut, maka masyarakat Iban akan melaksanakan ritual tertentu seperti upacara Miring dan Belian sebagai tanda meminta ampun dan memohon keberkatan atas kesalahan yang dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja. Mereka turut mengadakan ari diau iaitu tidak melakukan apa-apa perkerjaan berat bagi menghormati kejadian tersebut. Selalunya hari untuk masyarakat Iban diau adalah akan berlangsung selama sehari atau tiga hari bergantung dengan jenis bahaya yang ditafsirkan oleh para tetua Iban. Menurut Tugang Rima (80 tahun) oleh itu, dalam proses membuat Penganan terutamanya Sarang Semut adalah tidak digalakan berlangsung sehingga ke waktu petang (jam 3 ke atas) kerana risau bunyi ketukan acuannya akan di dengari oleh roh jahat untuk bertandang ke rumah panjang. Menurut kepercayaan Iban, bunyi yang dihasilkan oleh masyarakat Iban akan menarik antu jai datang bertandang termasuklah burung-burung mali Iban. Apabila menjelang waktu senja (terutamanya semasa waktu maghrib), segala aktiviti yang mengeluarkan bunyi seperti menumbuk bawang, memaku dinding dan segala bentuk bunyi yang menimbulkan keriuhan haruslah dihentikan seketika kerana masyarakat Iban percaya waktu tersebut merupakan roh jahat akan berkeliaran untuk memburu roh manusia. Kegiatan tersebut dapat diteruskan semula selepas berlalunya waktu senyap dalam budaya Iban iaitu maya silau ari (masa senja sehingga selepas waktu maghrib).


Selain itu, menurut Liau Mikai (55 tahun) apabila masyarakat Iban ingin turun ke tanah untuk melakukan aktiviti seperti berburu, berladang atau mengumpul hasil hutan mereka tidak boleh menyebut dan memikirkan tentang Penganan kerana boleh mengakibatkan Puni. Kepercayaan Puni akan menyebabkan seseorang itu ditimba nasib malang yang boleh membawa kemudaratan dan kematian disebabkan puni (kempunan). Oleh itu, menurut Kiyai Uri (65 tahun) bagi menghindari puni terjadi, maka masyarakat Iban akan menyebut perkataan daki ini atau daki pun lalu mencubit sedikit nasi yang terdapat dalam periuk sebelum turun dari rumah panjang. Tujuannya adalah agar menghindar nasib malang menimpa apabila masyarakat Iban berada di luar rumah. Kerbergantungan masyarakat Iban terhadap alam dalam mencari sumber rezeki dan penempatan hidup, menjadikan

kepercayaan terhadap Mali sangat menebal dan ditaati oleh masyarakat Iban sehingga ke hari ini, terutamanya bagi masyarakat Iban yang masih menetap di rumah-rumah panjang.

5. Perbincangan

Mali adalah sebuah istilah dalam Bahasa Iban yang membawa maksud kepada perbuatan atau percakapan yang boleh mengundang unsur-unsur yang tidak baik dan bertentangan dengan sesebuah pantang larang dalam kelompok masyarakat. Dalam budaya Iban, kepercayaan terhadap istilah Mali merupakan sesuatu perkara yang sangat ditakuti oleh masyarakat Iban dan mereka tidak akan pernah untuk mempersoalkan sekiranya orang-orang tua melarang atau menegur dengan mengatakan istilah Mali semasa melakukan sesuatu perkara. Masyarakat Iban percaya bahawa istilah Mali boleh membawa kesan yang buruk terhadap diri mereka serta seluruh penduduk Iban di rumah panjang sekiranya dilanggar sama ada secara sengaja dan tidak sengaja.

Menurut Kiyai Uri (60 tahun) implikasi daripada kepercayaan Mali boleh dikategorikan kepada tiga perkara bergantung dengan tindakan masyarakat Iban terhadap kepercayaan Mali iaitu Puni, Jelungan dan Alah Ayu. Implikasi Mali mempunyai erti yang sangat signifikan dalam masyarakat Iban untuk mendidik, mengajar dan membentuk anak-anak mereka terutamanya agar berkelakuan lebih sopan dan tertib dalam menjalankan aktiviti sosial dengan masyarakat Iban yang lain. Di samping itu, budaya kepercayaan Mali adalah sebagai satu mekanisme masyarakat Iban terdahulu dalam memelihara dan menjaga keseimbangan dunia kosmologi iaitu di antara masyarakat Iban dan alam sekitar agar seimbang dan hidup dengan rukun serta damai.



Gambar 5. Impak Mali dalam Kepercayaan Masyarakat Iban di Sarawak

5.1. Jelungan

Istilah Jelungan membawa maksud sesebuah perkara yang direncanakan atau diharapkan tidak menjadi akibat daripada tindakan dan percakapan yang tidak senonoh dan cabul. Menurut Lada Ukar (85 tahun) kepercayaan Jelungan sangat dikhuatiri semasa kaum lelaki Iban pergi turun Ngasu (berburu) atau Berikan (menangkap ikan di sungai) untuk mendapatkan sumber makanan di hutan secara berkumpulan. Bagi masyarakat Iban, hutan dan sungai mempunyai rohnyanya yang tersendiri dan dianggap menua agi latung (hutan dara yang masih mempunyai unsur-unsur spiritualnya) iaitu merujuk kepada kampung puang (hutan rimba) yang jarang-jarang diterokai oleh manusia atau penempatan yang telah ditinggalkan oleh manusia. Menurut Mat Minggan (70 tahun) dalam kepercayaan Iban, mereka percaya bahawa menua agi latung atau kampung puang digambarkan sebagai kawasan yang keras dan didiami oleh semangat-semangat Antu (roh) jahat. Bahkan ada yang mengatakan bahawa kampung puang dijelaskan sebagai penempatan orang bunian (Antu) yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia biasa walau bagaimanapun, kadang-kala masyarakat Iban yang bidik (bernasib baik) mampu melihat dan mendengar kelibat Antu ini menjelmakan diri seperti manusia biasa atau jelmaan binatang dengan sekilas pandang.

Menurut Lemambang Buchaw Undan (80 tahun) semasa masuk ke dalam kampung puang (hutan dara) bagi tujuan memburu atau menangkap ikan, setiap tindakan dan percakapan haruslah dijaga.

Semasa di dalam hutan dara, adalah ditegaskan sama sekali untuk tidak menegur sebarang benda atau petanda pelik yang berlaku. Contohnya, apabila menjala atau memasang bubu jangan ditegur seberapa banyak ikan yang ada di dalam sungai, ini akan menyebabkan jelungan terjadi dan akibatnya kita akan balik dengan tangan kosong. Begitu juga apabila berburu, sekiranya melihat kelibat haiwan yang hendak diburu janganlah ditegur kerana masyarakat Iban percaya Antu (roh) boleh menjelma sebagai haiwan untuk mengalihkan pandangan mata manusia dan sekiranya bernasib buruk, Antu (roh) boleh membalas dendam terhadap manusia sekiranya mereka membunuh ahli keluarga mereka secara sengaja atau tidak sengaja. Selalunya Antu (roh) yang sering menjelmakan diri sebagai haiwan seperti kijang, monyet dan pelanduk akan dikenali dengan gelaran Bunsu Antu. Bunsu Antu ini seringkali digambarkan sebagai Antu (roh) yang jahat dan sering mengganggu kehidupan masyarakat Iban dengan membuatkan mereka menjadi gila, sakit dan kerasukan. Oleh itu, bagi mengelakan Jelungan terjadi semasa turun ke hutan, maka masyarakat Iban akan menggunakan jaku kelaung (penggunaan perkataan lain bagi menggantikan maksud asal) bagi tujuan mengalih pendengaran Antu agar tidak mendengar dan mengganggu aktiviti pemburuan mereka.

5.2. Puni

Puni adalah membawa maksud yang setara dengan istilah kempunan. Menurut Lemambang Abang Entrey (80 tahun) masyarakat Iban percaya bahawa kepercayaan terhadap Puni terjadi apabila seseorang tersebut teringin hendak makan sesuatu makanan, namun beliau tidak berkesempatan untuk menjamahnya, lalu turun secara terburu-buru pergi meninggalkan rumah untuk melakukan aktiviti seperti berburu, ke ladang atau menangkap ikan. Dalam kepercayaan Iban, mereka yang Puni akan berisiko untuk berhadapan dengan kecederaan yang serius seperti terjatuh, terluka atau yang lebih serius sehingga boleh membawa kematian seperti dipatuk ular atau dibaham buaya. Oleh itu, adalah menjadi kewajiban dalam masyarakat Iban apabila ingin meninggalkan rumah, mereka akan ke dapur terlebih dahulu untuk mencubit nasi yang telah masak dengan menyebut “udah aki, enggai ka puni” (sudah aki, agar tidak puni) agar puni tidak terjadi semasa mereka melakukan perkerjaan di luar rumah.

5.3. Alah Ayu

Menurut Kiyai [36] konsep alah ayu adalah sangat ditakuti dalam kepercayaan Mali masyarakat Iban di Sarawak. Alah ayu membawa konsep petanda yang buruk yang boleh menyebabkan impak yang bahaya kepada seseorang individu atau seluruh penduduk Iban di rumah panjang. Kesan dari alah ayu mampu mengakibatkan sakit tenat secara tiba-tiba dan kematian sekiranya diingkari. Menurut Maling Banta (62 tahun) selalunya, alah ayu akan dikaitkan dengan konsep mali dalam pelaksanaan ritual budaya yang tinggi dalam budaya Iban seperti Upacara Miring (upacara persembahan), Upacara Nyabak Bebuah (upacara meratapi orang mati) dan Belian (Upacara perubatan tradiisonal) yang hanya boleh dilakukan oleh masyarakat Iban yang jelai nama (tersohor) dan memiliki ilmu tinggi yang khusus dalam memulakan dan melaksanakan upacara dan ritual yang mempunyai nilai sakral yang tinggi. Pelaksanaan ritual tersebut memiliki nilai taboo yang tinggi dan harus patuh terhadap segala konsep mali yang telah diperturunkan selama bergenerasi oleh masyarakat Iban dahulunya. Oleh itu, kumpulan-kumpulan ini dikenalpasti dalam dua identifikasi, pertama adalah individu yang memiliki kemahiran dalam bidang pembuatan dan menang dalam perang seperti, wanita yang pakar dalam menenun Pua iaitu Indu Ngar manakala bagi lelaki yang berjaya mendapatkan kepala dalam ekspedisi Ngayau (memburu kepala) akan digelar sebagai Bujang berani. Seterusnya adalah golongan yang memiliki kemahiran yang khusus dalam amalan dan ritual sakral Iban seperti Lemambang (pendeta), Manang (bomoh), Tukang Sabak (perempuan yang memiliki kepakaran dalam meratapi kematian), Tuai Burung (ketua adat) dan Tuai Kayau (ketua perang).

Selain itu, menurut Chermai Iri (65 tahun) alah ayu tidak hanya terjadi dalam pelaksanaan upacara dan ritual Iban sahaja, namun turut terjadi semasa dalam proses menuntut dan menurunkan ilmu kepada seseorang individu. Dahulu, adalah menjadi kelaziman bagi masyarakat Iban mengalakan anak-anak mereka untuk belajar ilmu yang berkait rapat dengan amalan dan adat nenek moyang mereka sebagai satu cara untuk mengekalkan kearifan tradisi tersebut. Oleh itu, adalah menjadi suatu kewajiban bagi wanita Iban apabila anak-anak perempuan mereka sudah berusia sepuluh tahun akan diajar pelbagai jenis kemahiran seperti menenun dan menganyam bagi menambah nilai karisma dalam diri mereka agar memudahkan mereka apabila dewasa kelak, terutamanya dalam urusan perkahwinan dan status sosial mereka dalam masyarakat Iban. Manakala, bagi lelaki Iban akan digalakan untuk Bejalai (mengembara) untuk menimba pengalaman dalam menuntut ilmu dan melihat dunia luar.

Menurut Biah Ngang (80 tahun) proses pengajaran adat dan budaya Iban yang sakral mempunyai etikanya yang tersendiri dan harus dipatuhi bagi memenuhi konsep kosmologi Iban dan pantang larang iaitu Penti dan Mali. Proses penurunan ilmu harus dilakukan oleh para tetua yang mempunyai taraf ilmu yang tinggi dan diiktiraf kemahirannya dalam masyarakat Iban dengan pelbagai pantang larang dan syarat bagi mengelakan alah ayu. Contohnya, apabila belajar ngebat pua (menenun pua), si penenun haruslah menyediakan piring (persembahan makanan) dan besi sebagai syarat untuk belajar. Tujuannya adalah sebagai gensenan (upah) dan simbol simbolik agar pengajar dan anak murid yang diajar akan kuat jiwa dan emosinya seperti besi serta mengelakan diri daripada terkena alah ayu. Selain itu, pemula yang baru belajar tidak boleh berlebihan sikap, percakapan, dan kemahiran (motif, tari, dan pergerakan) berbanding dengan gurunya. Perkara ini sekiranya diingkari akan membawa bencana kepada kedua-dua individu tersebut.

5.4. Faktor-Faktor Kewujudan Kepercayaan Mali dalam Budaya Iban

Worldview atau pandangan dunia dalam budaya masyarakat Iban adalah bersifat tradisional dan dipengaruhi oleh unsur-unsur animism. Menurut Lemambang Ijau (80 tahun) kepercayaan terhadap istilah Mali adalah berkait rapat dengan Pengarap Lama Iban (kepercayaan lama Iban) yang mempercayai akan kewujudan Antu (roh). Masyarakat Iban percaya bahawa tindakan yang ingkar dan tidak peduli akan kepercayaan Mali akan menyebabkan berlakunya musibah yang boleh membawa kemudaratan kepada diri mereka atau seluruh komuniti.

Menurut Penghulu Tan Kayan (75 tahun) dalam kepercayaan kosmologi Iban, mereka percaya bahawa dunia ini ibarat seperti sungai yang panjang. Di mana, di bahagian hilir sungai adalah di diami oleh dewa-dewi yang disebut sebagai Menua Panggau Libau Panggau Libau Ke Di Gela Lendat Di Biau Jila Isang, bahagian tengah sungai adalah didiami oleh penempatan masyarakat Iban (Mandai Idup) manakala di bahagian hulu adalah didiami oleh Antu (roh) atau Sebyan (orang yang telah meninggal) yang dikenali sebagai Mandai Mati. Masyarakat Iban percaya bahawa dunia manusia dan dunia Antu itu adalah berbeza dan terbalik. Contohnya, sekiranya di dunia manusia adalah siang, maka di dunia Antu (roh) adalah malam. Begitu juga sekiranya sekiranya berlaku kematian di sesebuah rumah panjang, maka masyarakat Iban percaya Raban Antu (sekumpulan roh) akan berpesta kegembiraan menanti kedatangan orang baharu dan diibaratkan seperti penyambutan kelahiran baharu di dunia mereka.

Menurut Datuk Sri Edmmund Langgu (85 tahun) konsep Antu dalam pandangan dunia (worldview) terbahagi kepada dua kategori iaitu Urban legend (cerita rakyat) dan Antu yang mewakili sikap negatif manusia. Pertama adalah roh jahat yang dilihat dalam konteks kepercayaan tradisi (urban legend) iaitu seperti Kokril (pontianak), Antu gerasi (gergasi), antu tinggi (hantu tinggi), Antu Buyu (Saka), dan Antu Kamba (Hantu yang selalu menyembunyikan anak kecil semasa waktu senja). Masyarakat Iban meyakini bahawa antu jahat mendiami alam sekeliling seperti pun kara (pohon yang merimbun), rumah usang, kampung puang (hutan rimba) dan kawasan kuburan. Manakala roh jahat yang kedua adalah antu yang hidup dan mewakili sifat negatif manusia iaitu Antu Engkerasak (roh pengumpat), Antu Kepapas (roh pendengki), Antu Rua (roh pembaziran) dan Antu Tisil (roh yang membawa ketidakberuntungan). Oleh itu, dalam mengimbangi dunia manusia dan dunia Antu, maka kepercayaan terhadap Mali telah dicipta sejak ratusan tahun lampau oleh nenek moyang masyarakat Iban bagi menjaga dan memelihara hubungan di antara masyarakat Iban dan alam ghaib.

Kepercayaan animisme tersebut adalah terhasil daripada faktor yang kedua iaitu lingkungan alam yang menjadi penempatan masyarakat Iban semasa zaman dahulu. Yakini bahawa masyarakat Iban tradisional mula mendiami kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sungai sebagai satu alternatif untuk memudahkan mereka bergerak ke kawasan-kawasan lain. Sungai telah menjadi transportasi utama etnik-etnik pribumi di Sarawak sebelum kemasukan kolonial barat ke kawasan mereka. Secara tidak langsung, bentuk geografi seperti hutan rimba, sungai dan bukit telah membentuk sebuah kepercayaan tradisional Iban yang dikenali sebagai Pengarap Lama. Selain itu, kebergantungan masyarakat Iban terhadap sumber alam dalam mencari makanan, menginovasi budaya benda, dan iktihar hidup seperti penggunaan ubat-ubat tradisional, komoditi urus niaga yang berteraskan hasil hutan dan ekonomi sara diri iaitu bertanam padi huma menyebabkan kepercayaan Mali ini terserap dengan lebih efektif dalam kepercayaan tradisional Iban. Perkara ini jelas dilihat melalui kebudayaan ketara dan tidak ketara seperti kesusasteraan, ukiran motif, pantang-larang, dan objek budaya yang banyak mengambil unsur-unsur alam yang dekat dengan diri mereka.

Faktor yang terakhir adalah cara hidup tradisional masyarakat Iban yang giat menerokai tanah atau penempatan baharu pada masa dahulu sehingga mengwujudkan sifat curiosity atau sifat ingin tahu.

Sifat ingin tahu tersebut secara perlahan-lahan telah mengwujudkan kepercayaan mali dalam kebudayaan dan membawa masyarakat Iban menerokai seluruh pelosok alam. Secara tidak langsung, masyarakat Iban telah menjadikan alam sebagai wadah untuk membangun dan membentuk identiti sehingga ke hari ini. Yakini bahawa, perasaan ingin mengetahui yang tinggi tersebut telah memobilisasikan budaya mengembara yang dikenali sebagai Adat Bejalai dalam kebudayaan Iban. Kebudayaan Adat Bejalai tersebut secara tidak langsung telah membawa kepada dispора masyarakat Iban yang bermula dari Kalimantan, Indonesia dan menyebarkan ke seluruh pelosok Borneo sampailah ke Semenanjung Malaysia. Seiring dengan perkembangan budaya maju, Adat Bejalai telah menjadi manifesatsi budaya yang penting dalam kebudayaan Iban. Budaya Bejalai Iban dapat dikategorikan kepada beberapa pecahan yang signifikan iaitu bagi tujuan menerokai penempatan yang baharu untuk mencari tanah yang subur bagi kegiatan bertanam padi huma dan hasil alam yang kaya sebagai sumber makanan, seterusnya adalah Adat Bejalai dilakukan oleh seseorang lelaki Iban yang dewasa untuk mencari ilmu pengetahuan atau jati diri untuk menuju ke alam dewasa. Masyarakat Iban percaya apabila mereka melakukan Adat Bejalai, roh mereka akan turut bersama-sama menempuhi perjalanan tersebut sebagai satu tanda spiritual [22]. Manifestasi Adat Bejalai yang terakhir adalah merujuk kepada ekspedisi Ngayau iaitu sebuah ekspedisi berkumpulan yang mengumpulkan lelaki Iban untuk menjalankan ekspedisi memburu kepala musuh.

Oleh itu, konsep Mali dalam kepercayaan masyarakat Iban adalah merujuk kepada idea, daya intelektual dan pandangan masyarakat Iban untuk menjaga dan mengawal komunitinya melalui aktiviti berbudaya. Konsep kepercayaan tersebut telah disandarkan berdasarkan kepada alam dan unsur-unsur spiritual yang berkaitan dengan dunia ghaib sebagai medium menyeimbangi hubungan manusia sesama manusia atau manusia dengan alam. Tujuannya adalah untuk membentuk dan memupuk keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan masyarakat Iban itu sendiri dari perkara yang buruk seperti pertelingkahan dan sebagainya. Melalui kepercayaan tersebut telah menyebabkan masyarakat Iban memahami perilaku manusia dan ruangan alam secara mutlak melalui pengalaman, pemerhatian, dan adaptasi sebagai usaha dalam meneruskan kelangsungan hidup. Mereka belajar untuk berdipomasi dan beradaptasi dalam meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih baik pada ketika itu. Secara tidak langsung, idea-idea tersebut telah dimanifestasi dalam bentuk kebudayaan dan diwarisi secara turun-termurun oleh generasi terdahulu kepada generasi sekarang.

6. Kesimpulan

Walaupun kini masyarakat Iban secara majoritinya sudah menganuti agama baharu iaitu agama Kristian dan Islam, namun kepercayaan mali masih menjadi kolektif memori dalam kehidupan mereka, terutamanya bagi masyarakat Iban yang masih menetap di rumah panjang dan mencari rezeki berteraskan alam seperti bertani, memungut hasil hutan atau menangkap ikan di sungai. Kepercayaan tersebut masih diamalkan sehingga kini dalam mengawal tingkah laku mereka untuk menjadi lebih sopan, hormat dan mematuhi lingkungan alam. Secara tidak langsung, konsep kepercayaan Mali yang diterapkan dalam budaya Iban telah menjadi satu medium sosial untuk mengwujudkan keharmonian dan kesejahteraan hidup di antara masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang. Selain itu, kepercayaan mali yang diterapkan dalam sosial masyarakat Iban mampu menjadi satu kaedah perlestarian warisan budaya tidak ketara terutamanya yang melibatkan kesusasteraan Iban iaitu jerita tuai, main asal, kearifan tempatan, pantang larang dan sejarah nenek moyang melalui kaedah penceritaan tradisi lisan kepada anak cucu dan cicit. Secara tidak langsung, kepercayaan Mali tersebut berupaya untuk dikonservasi secara bergenerasi ke generasi yang akan datang dari terus pupus dan ditelan zaman. Satu cadangan yang patut dipertimbangkan dalam mengekalkan kelestarian kepercayaan mali terus hidup dalam budaya Iban adalah melalui badan-badan budaya seperti Tun Jugah Foundation dan Dayak Chair Foundation untuk lebih kolektif dalam memikirkan cara yang relevan dalam memastikan kesinambungan warisan tidak ketara ini terus hidup dan mekar sebagai jati diri masyarakat Iban di Sarawak. Penganjuran program-program yang melibatkan akademik seperti simposium, persidangan, bual bicara dan penyelidikan harus giat dilaksanakan agar budaya-budaya tidak ketara ini terus diarkibkan sebagai satu harta yang berharga milik masyarakat pribumi di Sarawak. Oleh itu, melalui penyelidikan ini, diharapkan mampu memberi impak yang signifikan dalam meraikan kepelbagaian dan kefahaman masyarakat majmuk di Malaysia, khususnya masyarakat Iban di Sarawak.

Penghargaan

Kertas Kerja ini adalah geran penyelidikan FO3/DRC/1809/2019 yang dibiayai sepenuhnya oleh Dayak Chair Foundation. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk dan Biro Wanita di Rumah Liam, Rantau Kembayau Manis, Lubok Antu, Rumah Kunjang, Entawa Asal, Undop, Sri Aman dan Rumah Bujang, Rantau Kiran, Nanga Medamit, Limbang yang telah memberi kerjasama sepanjang proses penyelidikan ini. Selain itu, ucapan ribuan terima kasih kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak yang telah memberi kebenaran untuk ke luar kawasan bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan.

Rujukan

- [1] C. Gerard, *Heritage, Museums and Galleries: An Introductory Reader*. UK: Routledge, 2005.
- [2] Y. Saleh, *Pengenalan Pemuliharaan Bandar*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- [3] Y. M. Yusoff and H. Dollah, "Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005: A Review," *Jurnal Melayu*, 2011.
- [4] M. Y. M. Yusoff, 2018. "Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia," *Jurnal Melayu*, vol. 2, no. 17, 2018.
- [5] M. Yuszaidy, M. Yusoff, H. Dollah dan A. S. Kechot, "Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan Sepintas Lalu," *Jurnal Melayu*, 2011.
- [6] J. M. Flavier, A. D. Jesus and C. S. Navarro, "The Regional Program for The Promotion of Indigenous knowledge in Asia," *The Cultural Dimension of Development: Indigenous Knowledge Systems, Intermediate Technology Publications, London*, 1995.
- [7] L. Hiwasaki, E. Luna and R. Shaw, "Process for Integrating Local and Indigenous Knowledge with Science for Hydro-Meteorological Disaster Risk Reduction and Climate Change Adaptation in Coastal and Small Island Communities. *International Journal of Disaster Risk Reduction*," vol. 10, pp. 15-27, 2014.
- [8] A. Rahim and R. Affandi, Contemporary Tafaqquh Programme Module in Mosques: A Review and Proposal/Alias Azhar and Rahimin Affandi Abd. Rahim," *Esteem Academic Journal*, vol. 9, no. 2, pp. 1-15, 2013.
- [9] Ninian Smart, *the World's Religions*. UK: Cambridge University Press, 1998.
- [10] H. Smith, *Why Religion Matters: The Fate of the Human Spirit in an Age of Disbelief*. New York: Harper Collins, 2001
- [11] S. Güneser, A. Atici, I. Cengizler and N. Alparlan, "Inhalant Allergens: As A Cause of Respiratory Allergy in East Mediterranean Area, Turkey," *Allergologia at Immunopathologia*, vol. 24, no. 3, pp. 116-119, 1996.
- [12] A. A. A. Pawi, "Weltanschauung dan Manifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik di Sarawak," *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, vol. 6, no. 2, 2013.
- [13] A. Durin, *Tikar Bemban*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2014.
- [14] N. Tugang, *Pua: Identiti dan Budaya Masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, 2014.
- [15] Wani, C. Mansukhlal, H. L. Taylor, M. E. Wall, P. Coggon and A. T. M. Phail, "Plant Antitumor Agents. VI. Isolation and Structure of Taxol, a Novel Antileukemic and Antitumor Agent from *Taxus Brevifolia*," *Journal of the American Chemical Society*, vol. 93, no. 9, pp. 2325-2327, 1971.
- [16] S. Goggin, "Human Rights And 'Primitive' culture: Misrepresentations of Indigenous Life," *The International Journal of Human Rights*, vol. 15, no. 6, pp. 873-886, 2011.
- [17] G. Kiyai and N. Tugang, "The Iban Journey of Afterlife: Artifak Iringan Tukang Sabak," *Journal of Borneo-Kalimantan*, vol. 5, no. 1, pp. 7-7, 2019.
- [18] B. Sandin, *Raja Durong*. Borneo: Borneo Literature Bureau, 1964.
- [19] M. Z. Daud, A. M. S. N. Wahid and R. Gedat, "Penggunaan Eufemisme Dalam Kalangan Penutur Iban," *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 2018.
- [20] E. Jensen, *the Iban and Their Religion*. Oxford: Clarendon Press, 1974.
- [21] V. Béguet, "Iban petara as transformed ancestors," *Ancestors in Borneo Societies: Death, Transformation, and Social Immortality*, pp. 243-277, 2012.
- [22] P. M. Kedit, *Iban Bejalai*. Kuching: Sarawak Literary Society by Ampang Press Sdn. Bhd, 1993.

- [23] Gomes, E. Herbert. *Seventeen years among the Sea Dyaks of Borneo: a Record of Intimate Association with the Natives of the Bornean Jungles*. Australia: Seeley & Company, 1911.
- [24] C. A. Osup, "Melahirkan Anak Dan Ritual Di Peringkat Awal Bayi Dalam Masyarakat Iban Di Sarawak," *Jurnal Peradaban Melayu*, vol. 11, pp. 1-10, 2016.
- [25] B, Garry, E. B. Tomlinson and M. Roth, "The Association Between Quantitative Measures of Dementia and of Senile Change in the Cerebral Grey Matter of Elderly Subjects," *The British Journal of Psychiatry*, vol. 114, no. 512, pp. 797-811, 1968.
- [26] G. N. Appell, "Iban Studies: Their Contribution to Social Theory and the Ethnography of Other Borneo Societies," *The Encyclopedia of Iban Studies: Iban History, Society and Culture*, pp. 741-785, 2001.
- [27] R. Soda, "Rural-Urban Migration of the Iban of Sarawak and Changes in Long-House Communities." *Geographical Review of Japan*, vol. 74, no. 1, pp. 92-112, 2001.
- [28] Tieman, L. Beth, J. P. Robert and A. C. Sutlive, "Assessment of Motor Development and Function in Preschool Children," *Mental Retardation and Developmental Disabilities Research Reviews*, vol. 11, no. 3, pp. 189-196, 2005.
- [29] C. Sather, "All Threads Are White": Iban Egalitarianism Reconsidered. *Origins, Ancestry and Alliance*, pp. 70-110, 1996.
- [30] P. Beginda and B. Bala, "Pengaruh Demografi Terhadap Perubahan Sosio-Politik Orang Iban di Sarawak," *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, vol. 6, no. 1, 2018.
- [31] B. Gould, Sabine, and C. A. Bampfylde. *A History of Sarawak under Its Two White Rajahs*. London: Henry Sotheran & Company, pp. 1839-1908, 1909.
- [32] W. E. Hanson, J. W. Creswell, V. L. P. Clark, K. S. Petska, and J. D. Creswell, Mixed Methods Research Designs in Counseling Psychology. *Journal of Counseling Psychology*, vol. 52, no. 2, pp. 224, 2005.
- [33] K. Jasmi, Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*, 2012.
- [34] N. W. Lund and M. Buckland, "Document, Documentation, and the Document Academy: Introduction," *Archival Science*, vol. 8, vol. 3, pp. 161, 2008.
- [35] M. Buckland, "Document Theory," *KO Knowledge Organization*, vol. 45, no. 5, pp. 425-436, 2018
- [36] G. Kiyai, "Tukang Sabak dalam budaya dan upacara Nyabak Masyarakat Iban di Sarawak: Satu Penelitian Awal," *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, vol. 7, pp. 120-125, 2019.